



# Negarawan berwawasan

## Tinggalkan landasan kukuh untuk bangsa Malaysia

UM 31/10/2003 - 2 PRECISE

Oleh AZIZ ISHAK

**S**UKAR untuk menggambarkan dengan kata-kata terhadap sumbangan dan jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara mulai hari ini.

Seorang strategis, reformis, pejuang, nasionalis tulen, penyelamat dan pemimpin berwawasan yang berorientasikan kecemerlangan serta tersendiri, itulah antara ciri-ciri kepimpinan Dr. Mahathir - kesemuanya mampu diterjemahkan dalam membina kejayaan untuk semua bangsa dan negara.

Setelah menerajui kepimpinan negara selama 22 tahun, Perdana Menteri keempat itu berundur ketika beliau masih disukai rakyat negara ini malah dikagumi oleh dunia luar atas ketokohnya.

Rekod lebih besar, Dr. Mahathir mampu membawa kebangkitan dan mencari jalan keluar menyelamatkan rakyat daripada krisis tidak kira ekonomi mahupun politik - kelebihan beliau berbanding kebanyakan pemimpin dunia lain.

Sepanjang kepimpinannya, rakyat Malaysia meliputi semua kaum tidak kira apa ideologi politik termasuk pembangkang mendapat naungan terbaik, berkongsi nikmat kesejahteraan dan imej negara yang tinggi di mata dunia.

### Rahsia kejayaan

Beliau telah meletakkan asas pencapaian kukuh kepada negara dengan menjelmakan kemajuan fizikal dan melonjakkan revolusi akliah serta keyakinan diri rakyat Malaysia sehingga mencetuskan apa yang dipanggil gelombang Mahathirisme bertunjangan kecemerlangan.

Belum pernah dalam sejarah, Malaysia mencapai tahap pembangunan, pengurusan dan kebebasan yang begitu signifikan, menjadi model negara Islam dan negara membangun selain begitu disegani serta dicemburui negara-negara lain.

Di arena antarabangsa, beliau realistik dengan dasar luarnya yang baik-baik dengan semua negara dan memakmurkan jiran tetapi berani menegur segala kepincangan.

Kelemahan dan ketidakadilan orde antarabangsa yang dicorakkan oleh kuasa besar.

Menariknya lagi, sebahagian input, pandangan dan teori yang beliau kemukakan ternyata mendahului kontemporari yang

akhirnya diakui berkesan dan mujarab meskipun dipersendakan di peringkat awal.

Ini kerana beliau adalah seorang pemikir strategik, menjadikan bacaan dan jangkaannya biasanya tepat. Begitu juga tindak balasnya yang berani termasuk menentang keangkuhan pemimpin kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) serta menangani musuh pemimpin asing seperti Australia dan Singapura serta menyedarkan dunia tentang kekuasaan Yahudi.

Pandangan dan hujahnya tentang penyelesaian krisis kewangan tanpa bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) keadilan nyantrak mata

wang, kelemahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tekanan kuasa besar dan tentang penyelewengan Islam, semakin diakui kebenarannya kini.

Reputasi itu meletakkan beliau sebagai pemimpin negara Islam dan jurucakap dunia ketiga, yang setiap kali forum antarabangsa, ucapan mahupun jawapannya semasa sesi dialog mendapat tepukan bergemuruh dan meninggalkan impak kepada para hadirin.

Dasar-dasar yang beliau perkenalkan seperti Beli Barangan British Terakhir dan Dasar Pandang ke Timur, memperjuangkan Gagasan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan tadbiran ringgit bagi menghalang manipulasi penyangak mata wang memperlihatkan beliau seorang pemimpin yang bijak melakukan percaturan tersendiri.

Tetapi sumbangan lebih besar Dr. Mahathir sudah tentulah kepada negara dan rakyat semua kaum, menjadikan beliau bukan sahaja kebanggaan orang Melayu bahkan masyarakat kaum lain meskipun sebelum menjadi Perdana Menteri, beliau dilihat sebagai ultra Melayu.

Kepada rakyat Malaysia, Dr. Mahathir bukan pemimpin biasa, beliau adalah negarawan dan beliau jugalah insan model. Orang bernama Dr. Mahathir ini, tidak pernah berputus asa apabila berdepan dengan dugaan besar dan gelombang kritikan. Malah beliau mampu menukar detik-detik cabaran itu menjadi kesempatan terbaik untuk mencetuskan kebangkitan dan kekuatan baru. Beliau juga seorang paling tabah walaupun ditfnah dan dicera terutama ketika krisis politik 1998 dan ketabahannya itu menjadikan beliau lebih disayangi kemudiannya.

Kejayaan beliau yang tidak kurang penting, menurut sesetengah pemerhati, ialah berani berdepan dengan risiko besar hanya kerana mahu memastikan bahawa negara diwarisi dengan bakal pemimpin terbaik termasuk dari segi akhlak sebagaimana keputusan yang dibuat semasa krisis 1998.

Dalam politik dan kepimpinannya, negarawan seperti Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO mempunyai suka dukanya tetapi itu tidak pernah menghalang beliau daripada mencapai sasaran dan matlamat yang ditetapkan.

Beliau bukan calang-calang politikus dan cukup sukar ditumbangkan sama ada dari dalam atau luar negara. Rahsia beliau ialah kecemerlangan, kerja keras, bijak mengurus masa, kuat berfikir, keberanian dan jihad untuk memerdekakan negara dalam erti kata sebenar.

Sebagai manusia biasa apatah lagi pemimpin yang perlu membuat sejuta satu keputusan, beliau juga terdedah kepada kesilapan dan juga mempunyai kelemahan tetapi itu semua boleh dikira kecil jika dibandingkan pencapaian besar yang telah beliau corakkan untuk negara.

Profesion sebagai doktor sedikit sebanyak memperlihatkan Dr. Mahathir merawat dan

mencari punca kelemahan yang dihadapi oleh negara dan masyarakatnya terutama orang Melayu dalam usaha menjadi bangsa bermaruah, berjaya dan cemerlang.

Meskipun pernah disingkirkan daripada UMNO disebabkan pertembungan pandangannya dengan pucuk pimpinan, pendakian politik beliau selepas itu lancar dengan imejnya sebagai politikus yang mengamalkan politik bersih, beribwaba dan tidak rakus mendapatkan kedudukan.

Beliau menjadi Perdana Menteri pada usia 56 tahun setelah terlibat aktif lebih 30 tahun dalam

politik.

Dalam pentadbirannya pula, beliau mempelopori pengurusan kelas satu di negara ini termasuk dalam kemampuannya menggerakkan pembaharuan daripada kad perakam waktu, kempen bersih, cekap dan amanah, penggunaan kad nama sehinggalah kepada menyediakan projek-projek besar dan berwawasan.

Lebih daripada itu, beliau menempuh arus dengan menggerakkan pindaan perlembagaan bagi menghadkan kuasa raja-raja demi menjaga kemurnian institusi itu pada mata masyarakat.

Hari ini, Dr. Mahathir akan bersara, meninggalkan segala warisannya dan mercu tanda untuk rakyat Malaysia dan generasi akan datang.

Ini meliputi Wawasan 2020, meritokrasi dalam pendidikan, seribu ingatan dan asakan untuk kebangkitan masyarakat Melayu, keyakinan rakyat Malaysia dan landasan kecemerlangan, yang selama dibina bersama barisan kabinetnya.

### Mercu tanda

Malaysia telah diwarnai dengan banyak kejayaan di bawah kepimpinan beliau yang mencerminkan keyakinan rakyat negara ini termasuk ekspedisi pelayaran solo, menyeberangi Selat Ingggris dan menawan Gunung Everest di samping misi tentera pengaman antarabangsa yang begitu menonjol.

Banyak lagi yang boleh disenaraikan jika menyentuh pencapaian fizikal seperti lebuhraya kelas dunia, pusat pentadbiran Putrajaya, Koridor Raya Multimedia (MSC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya, Menara Berkembar Petronas (KLCC), industri automotiv, Jambatan Pulau Pinang, industri motosikal, pesawat ringan, projek angkasa dan pembangunan Langkawi yang suatu ketika dulu perkampungan nelayan.

Malaysia juga mewarisi pengurusan pengajaran acara bertaraf antarabangsa antaranya Sukan Komanwel, Formula 1, Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM), Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan G-15.

Beliau turut melonjakkan imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang diakui oleh ramai sarjana dan tokoh Islam antarabangsa. Begitu juga, banyak mercu tanda Islam di bawah kepimpinan beliau seperti Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam (selain banyak instrumen kewangan Islam dan mempelopori Dinar Emas), pusat pentadbiran bercirikan seni bina Islam di Putrajaya, Muzium Kesenian Islam, Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan pembinaan masjid yang paling banyak dalam sejarah negara.

Kepimpinan Dr. Mahathir di bawah UMNO juga telah meningkatkan berkali ganda golongan profesional dan teknokrat Melayu, meskipun pencapaian lebih besar amat diperlukan

terutamanya dari segi penguasaan ekonomi bumiputera. Pada Dr. Mahathir, itu tidak mencukupi untuk menjamin survival Melayu, menyebabkan beliau secara rendah diri mengaitkannya dengan kegagalan beliau untuk mengubah masyarakat Melayu.

Di samping itu, kepimpinan beliau menyaksikan pencapaian ekonomi yang baik sepanjang dua dekad termasuk transformasi ekonomi berasaskan pertanian kepada perdagangan dan kini teknologi maklumat. Kadar pengangguran dan inflasi juga rendah di samping kestabilan politik.

Lebih banyak hospital, sekolah, universiti, pusat kemahiran dan kemudahan-kemudahan lain dibina di samping prioriti utama dan peruntukan besar kepada masyarakat luar bandar.

Khazanah beliau yang lebih besar ialah pemikirannya yang harus digali, dianalisis, diperdebatkan dan diterjemahkan untuk kejayaan generasi masa depan.

Yang pasti, beliau telah meninggalkan warisan yang kuat kepada rakyat Malaysia yang akan terus membawa obor perjuangan, keberanian, keyakinan dan pemikiran negarawan ini.

Kekuatan Dr. Mahathir akan meresapi jiwa rakyat Malaysia selepas ini yang memikul tugas besar untuk meneruskan kecemerlangan dan meneruskan perjuangan yang belum selesai, antaranya menjadikan Malaysia negara maju mengikut acuan sendiri sementara orang Melayu mampu sama-sama menerajui tamadun.

Rakyat Malaysia seharusnya membalas jasa Dr. Mahathir setidak-tidaknya dengan bersyukur terhadap apa yang dimikmati oleh negara selama ini. Bayangkan sahaja, jika Malaysia selama dua dekad ini tidak mempunyai pemimpin yang cemerlang apatah lagi lemah, tidak berkesan dan suka mengikut petunjuk asing.

Tidak seperti ketika pengumuman peletakan jawatannya secara mengejut pada Perhimpunan Agung UMNO Jun 2002 - hari ini rakyat Malaysia akan melepaskan Dr. Mahathir - itupun dengan hati yang berat, penuh pengertian serta penghormatan.

Sememangnya, hari-hari terakhir menjelang persaraan beliau, Dr. Mahathir dihujani ucapan terima kasih dan penghargaan termasuk dalam majlis-majlis sama ada di dalam mahupun luar negara. Sebak, air mata dan doa untuk kesejahteraan Dr. Mahathir mewarnai peristiwa sedemikian.

Selain itu, perutusan dan ucapan penghargaan menerusi SMS, e-mail, surat, faksimili dan kad melimpah-limpah daripada rakyat Malaysia yang sebenarnya tahu mengenang budi. Memuji orang yang layak dipuji dan menghargai yang layak dihargai adalah sifat yang mulia dalam Islam.

Suka atau tidak - hakikatnya, kita tidak akan sampai pada tahap hari ini jika tidak kerana kepimpinan Dr. Mahathir.

Lima puluh atau 100 tahun lagi, sejarah akan membuktikan bahawa Dr. Mahathir akan menerima penilaian yang jauh lebih baik atas sumbangannya dan membuktikan lagi beliau adalah negarawan yang tidak terkejar oleh bangsanya.

Kini tiba masanya, beliau yang dipinjamkan untuk sekian lama kepada rakyat dan negara, dikembalikan semula kepada isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan anggota keluarganya.

Apa pun, Dr. Mahathir adalah anugerah Allah kepada kita semua, yang setiap insan kerdil tidak mampu menolak hakikat akan sumbangan besar beliau kepada negara dan sejagat.



### PESANAN DR. M

SEKIRANYA tiap-tiap seorang daripada kita faham dan menjalankan tanggungjawab dengan jujur, dedikasi dan sanggup berkorban untuk negara maka negara kita sudah pasti akan bertambah maju.

• Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu/Pengguna Semenanjung Malaysia di Kuala Lumpur pada 6 November 1981.



TENAGA NASIONAL